

Nama:

Tarikh:

BAHASA MELAYU TAHUN 5



TEMA 7: KELESTARIAN ALAM
UNIT 19: CERIAKAN BUANA KITA
SP: 5.3.3

Hotel Hijau



Rujuk buku teks halaman 150.

Encik Nazri telah mencadangkan hotel hijau sebagai penginapan keluarga mereka semasa bercuti.

Ayat Pasif

Afifi: **Ayah, hotel itu diiktiraf oleh kerajaan sebagai hotel hijau.**

Apakah yang dimaksudkan dengan hotel hijau?

Ayah: Hotel hijau ialah inisiatif oleh pihak hotel yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang bersifat mesra alam.

Afifi: Oh, begitu! Apakah inisiatif mesra alam itu?

Ayah: Banyak bangunan hotel menggunakan cahaya matahari untuk pencahayaan di dalam bilik. Mentol lampu cekap tenaga juga digunakan oleh pihak hotel. Oleh itu, penggunaan tenaga elektrik dapat dijimatkan.

Afifi: Eh, mengapakah banyak basikal di hotel itu, ayah?

Ayah: Pihak hotel hijau itu juga menyediakan perkhidmatan sewaan basikal. Tetamu digalakkan berbasikal ke sesuatu destinasi yang berdekatan. Dengan cara ini, pencemaran udara dapat kita kurangkan.

Afifi: Bagaimanakah pula dengan tempat letak kenderaan berwarna hijau itu, ayah?

Ayah: Oh, itu tempat mengecas kenderaan hibrid! Perkhidmatan itu juga ialah sokongan ke arah usaha mesra alam. Dengan itu, kedatangan pelancong hijau dapat kita tingkatkan.



Arahan: Tukarkan ayat di bawah menjadi ayat pasif.

Ayat Aktif

Ayat Pasif

Pihak hotel hijau menyarankan pelanggannya menjimatkan penggunaan air. Pelanggan menukar tuala dan cadar apabila perlu sahaja. Selain itu, hotel juga menggunakan tadahan air hujan untuk simbahkan tandas. Kita mestilah menyokong usaha pelestarian alam ini.

